



**JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN  
(NO. TENDER: KPKT/JPSPN/BPP/T/4/2022)**

**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya **tiga (3)** bulan semasa tarikh tutup tender bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT *	KELAYAKAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	<b>PROJEK PEMBINAAN STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL DI MUAR, JOHOR.</b>	Bumiputera T1	i) <u>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)</u>  Gred <b>G7</b> Sahaja Kategori : <b>B &amp; CE &amp; M</b> Pengkhususan : <b>B04 &amp; CE21 &amp; CE36 &amp; M15</b>  DAN  ii) <u>Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (CIDB)</u>  Gred <b>G7</b> Sahaja Kategori : <b>B &amp; CE &amp; M</b>  DAN  iii) <u>Sijil Taraf Bumiputera (STB) (PKK)</u>	Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Aras 24, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya  <b>09 Januari 2023 (Isnin)</b>  hingga  <b>13 Januari 2023 (Jumaat)</b>	<b>RM 900.00</b>  Dikehendaki mengeluarkan Wang Kiriman / Deraf Bank yang dibuat atas nama:  <b>Ketua Setiausaha KPKT</b>  Tidak akan dikembalikan	Bahagian Pengurusan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya  <b>30 Januari 2023 (Isnin)</b>  <b>12.00 Tengah Hari</b>

**1. TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK**

- i. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya **penama** yang ditauliahkan di dalam sijil pendaftaran seperti di syarat kelayakan penyertaan tender sahaja dibenarkan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Petender tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam **PPK, SPKK dan STB**. Petender **WAJIB** membawa sijil pendaftaran asal dan salinan seperti di syarat kelayakan penyertaan tender untuk semakan pendaftaran. Petender yang hadir lewat dari masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Keterangan taklimat dan lawatan tapak adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa Pendaftaran	Sesi Taklimat Bermula	Tempat
<b>04 Januari 2023 (Rabu)</b>	<b>9.30 Pagi – 10.30 Pagi</b>	<b>10.30 Pagi</b>	<b>Dewan Serbaguna Kg. Sarang Buaya, 83600 Semerah, Johor Darul Ta'zim.</b>  <b>Koordinat: 1°53'24.4"N 102°46'16.7"E</b>

## 2. PEMBELIAN DOKUMEN TENDER.

- i. Petender yang ingin membeli dokumen tender disyaratkan hanya **PENAMA** dalam sijil sahaja yang dibenarkan dan diwajibkan membawa **borang pengesahan kehadiran taklimat dan lawatan tapak** yang telah ditandatangani oleh pegawai dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT (**akan diberi selepas lawatan tapak**). Sila bawa cap syarikat beralamat untuk memudahkan urusan pembelian dokumen. Petender juga diingatkan supaya sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) COVID 19 yang sedang berkuatkuasa.
- ii. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk wang kiriman atau deraf bank atas nama **Ketua Setiausaha KPKT**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara **tunai atau cek tidak akan diterima**.
- iii. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Aras 24, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100, Putrajaya mulai **09 Januari 2023 (Isnin) sehingga 30 Januari 2023 (Isnin)** semasa waktu pejabat seperti berikut:

LOKASI PEJABAT	WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER (ISNIN HINGGA KHAMIS)	WAKTU REHAT / SOLAT JUMAAT
SEMENANJUNG	9.00 AM – 1.00 PM 2.00 PM – 4.00 PM	12.15 PM – 2.45 PM

## 3. PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER

- i. Dokumen tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Pengurusan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100, Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 30 Januari 2023 (Isnin)**.
- ii. Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan. Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dihantar melalui pos. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
- iii. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Kementerian Pembangunan Dan Kerajaan Tempatan di alamat [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my) dan web myprocurement di alamat [www.myprocurement.treasury.gov.my](http://www.myprocurement.treasury.gov.my). Jika terdapat sebarang pertanyaan boleh diajukan ke alamat emel [mridhwan@kpkt.gov.my](mailto:mridhwan@kpkt.gov.my).
- iv. \*Jenis pendaftaran: T1 – Syarikat 100% milik warganegara.